

SOALAN NO. 291

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang) minta MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan :-

- a) NGO wanita yang telah menerima peruntukan daripada Kementerian dalam tahun 2013-2015 dan jumlah peruntukan yang diberikan dan;

b) Apakah criteria yang perlu dipenuhi oleh NGO tersebut serta apakah impak aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan mereka terhadap golongan wanita.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertuan,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah menyalurkan peruntukan kepada NGO wanita untuk melaksanakan program-program yang memberikan manfaat kepada kumpulan sasaran Kementerian secara amnya dan golongan wanita secara khususnya.

Dari tahun 2013 sehingga tahun 2015, sebanyak 100 NGO wanita, yang terdiri daripada 61 NGO Kaukus Umum, 10 NGO Kaukus Cina, 18 NGO Kaukus India dan 11 NGO Kaukus Melayu, telah menerima peruntukan berjumlah RM 3,110,339.

Daripada jumlah peruntukan yang telah disalurkan, sebanyak 243 program telah dilaksanakan oleh NGO-NGO wanita ini. Program-program yang telah

dilaksanakan adalah berdasarkan kepada bidang keutamaan yang telah ditentukan iaitu:

- i. Peningkatan Kapasiti Wanita;
- ii. Latihan Peningkatan Kemahiran;
- iii. Nur Bahagia;
- iv. Literasi Undang-Undang;
- v. Pengurusan Emosi;
- vi. Kepekaan Gender;
- vii. Menangani Keganasan Terhadap Wanita.

Pecahan Program Mengikut Bidang Keutamaan JPW 2013

Bidang Keutamaan	Bil Prog
Peningkatan Kapasiti Wanita	35
Latihan Peningkatan Kemahiran	20
Nur Bahagia	15
Literasi Undang-Undang	10

Pecahan Program Mengikut Bidang Keutamaan JPW 2014

Bidang Keutamaan	Bil Prog
Peningkatan Kapasiti Wanita	24
Latihan Peningkatan Kemahiran	7
Literasi Undang-Undang	6
Nur Bahagia -Menangani Keganasan Terhadap Wanita	6
Pengurusan Emosi	2

Pecahan Program Mengikut Bidang Keutamaan JPW 2015

Bidang Keutamaan	Bil Prog
Peningkatan Kapasiti Wanita	26
Latihan Peningkatan Kemahiran	55
Literasi Undang-Undang	5
Kepekaan Gender	16
Menangani Keganasan Terhadap Wanita	13
Pengurusan Emosi	3

Tuan yang Dipertua,

Program dan aktiviti yang dicadangkan oleh NGO-NGO perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk dipertimbangkan bagi pemberian Geran Peruntukan bagi pelaksanaan program dan aktiviti.

Kriteria yang perlu dipenuhi adalah:

- i. Program yang dicadang adalah selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan untuk program pembangunan kumpulan sasar Kementerian;
- ii. Program yang memberikan impak yang besar dan bersifat jangka panjang kepada kumpulan sasar;
- iii. Program yang tidak bertentangan dengan perlombagaan Malaysia dan tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan serta mengugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik;

- iv. Memberi manfaat kepada kumpulan sasar Kementerian;
- v. Keutamaan akan diberi kepada NGO yang belum pernah menerima peruntukan daripada Kementerian; dan
- vi. Program bagi permohonan baru hanya akan dipertimbangkan setelah Laporan Pelaksanaan Prorogram lengkap diterima oleh Agensi.

Program dan aktiviti yang dijalankan oleh NGO-NGO ini telah menjangkau pelbagai peringkat kumpulan sasar. Kaedah penyampaian NGO membolehkan mereka mendapat bilangan peserta yang ramai dan terdiri dari golongan ibu tunggal, suri rumah tangga, Orang Kurang Upaya (OKU), para penjawat awam, badan-badan berkanun, NGO-NGO lain, pelajar kolej dan juga komuniti setempat.

Program adalah mampan kerana dilaksanakan secara terus ke kawasan atau lokaliti masyarakat. Ini dapat memberi impak positif kepada peningkatan taraf dan kualiti hidup peserta seperti memperkasa ekonomi,

menambah ilmu mengenai isu-isu semasa dan hak wanita, keusahawanan, motivasi menaikkan taraf kesihatan keluarga dan diri sendiri, asimilasi dan integrasi antara kaum dalam masyarakat, meningkatkan kualiti kepimpinan dalam kalangan NGO, dan meningkatkan kualiti keibubapaan dan keluarga bahagia.